

# RIFASYNT CAPSULES

Rifampicin (150mg, 300mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan RIFASYNT
2. Bagaimana RIFASYNT berfungsi
3. Sebelum menggunakan RIFASYNT
4. Cara menggunakan RIFASYNT
5. Semasa menggunakan RIFASYNT
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan RIFASYNT
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan RIFASYNT

“RIFASYNT” digunakan untuk:

- Jangkitan peparu (tuberkulosis)
- Pencegahan keradangan otak dan saraf tunjang (meningokokus meningitis)
- Jangkitan kulit, membran mukus, saraf (kusta)
- Jangkitan lain cth. Brucellosis, Legionnaires
- Haemophilus influenza (an infection caused by bacteria)

Doktor akan menjelaskan dengan tepat mengapa anda perlu menerima produk ini.

## Bagaimana RIFASYNT berfungsi

RIFASYNT adalah antibiotik yang digunakan untuk merawat beberapa jenis jangkitan bakteria. Ia berfungsi dengan memberhentikan pembiakan bakteria.

## Sebelum menggunakan RIFASYNT

-Bila tidak boleh menggunakan

Anda tidak harus mengambil RIFASYNT jika anda mempunyai:

- Alahan terhadap rifampicin atau mana-mana bahan lain dalam RIFASYNT
- Jaundis
- Sedang menerima terapi safinavir/indinavir
- Kerosakan hati

-Sebelum menggunakan RIFASYNT

Rifampicin mungkin mejejaskan fungsi hati, oleh itu ia diberikan kepada anda selepas pemeriksaan dan pengawalan oleh doktor. Rifampicin mungkin menyebabkan perubahan warna pada gigi, air kencing dan air mata, anda

perlu berhati-hati jika anda memakai kanta lekap lembut kerana ia mungkin memberi pewarnaan yang kekal pada kanta anda.

## Kehamilan dan Penyusuan

Sekiranya anda mengandung, atau anda fikir anda sudah mengandung atau sedang merancang untuk hamil, sila tanya doktor anda sebelum mengambil RIFASYNT. Jangan ambil ubat ini jika anda sedang menyusu kerana ubat ini mungkin meresap ke dalam susu ibu, melainkan dibawah nasihat doktor anda.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sebelum mengambil ubat ini, beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil:

- Ubat jangkitan virus cth. Saquinavir, ritonavir, simeprevir
- Anestetik cth. Halothane
- Ubat jangkitan bakteria cth. Isoniazid, cefazolin, cephalosporin, fluoroquinolone, acid p-aminosalicylic, atovaquone
- Ubat jantung cth. Disopyramide, mexiletine, quinidine, propafenone, tocainide
- Ubat sawan cth. Phenytoin
- Antagonis hormon cth. Tamoxifen, toremifene, gestinone
- Antipsikotik cth. Haloperidol, aripiprazole
- Ubat cair darah cth. Coumarins
- Ubat jangkitan fungal cth. Fluconazole, itraconazole, ketoconazole
- Barbiturate
- Beta-blocker cth. Bisoprolol, propranolol
- Ubat untuk keresahan dan kemurungan cth. Diazepam, benzodiazepines
- Calcium channel blocker cth. Diltiazem, nifedipine
- Kortikosteroid
- Ubat menurunkan paras kolesterol cth. Clofibrate
- Hormon pencegah hamil sistemik cth. Estrogen, progestogen
- Ubat kencing manis cth. Chlorpropamide, tolbutamide
- Agen imunosupresif cth. Ciclosporin, sirolimus
- Ubat kanser cth. Irinotecan

- Ubat thyroid cth. Levothyroxine
- Ubat tekanan darah tinggi cth. Losartan, enalapril
- Ubat penahan sakit cth. Methadone, analgesik narkotik, morphine
- Ubat cacing cth. Praziquantel
- Agen antimalaria cth. Quinine
- Ubat saraf cth. Riluzole
- Antagonis reseptor 5-HT3 selektif
- Statin dimetabolisme oleh CYP3A4 cth. simvastatin
- Ubat untuk melegakan pernafasan cth. Theophylline
- Ubat kemurungan tricyclik cth. Amitriptyline, nortriptyline
- Cytosolik cth. Imatinib
- Ubat buang air cth. Eplerenone
- Ubat neutral acid

Anda perlu memberitahu doktor anda tentang ubat-ubatan lain yang sedang diambil termasuk ubat yang boleh dibeli tanpa preskripsi.

## Cara menggunakan RIFASYNT

-Berapa banyak harus digunakan  
Tuberkulosis:

*Dewasa:* 8-12mg/kg. Dos biasa untuk berat badan kurang daripada 50kg ialah 450mg; untuk berat badan 50kg dan keatas ialah 600mg

*Kanak-kanak:* 10-20mg/kg. Dos tidak melebihi 600mg.

*Pencegahan meningitis meningokoku:*  
*Dewasa:* 600mg diambil 2 kali sehari untuk 2 hari

*Kanak-kanak 1-12 tahun:* 10mg/kg 2 kali sehari untuk 2 hari

*Kanak-kanak 3bulan-1 tahun:* 5mg/kg 2 kali sehari untuk 2 hari

*Kusta:* 600mg sekali sebulan atau 10mg/kg sekali sehari. Dos biasa untuk berat badan kurang daripada 50kg ialah 450mg; untuk berat badan 50mg dan keatas ialah 600mg.

*Brucellosis, Legionnaires atau jangkitan staphylokokus yang teruk:* 606-1200mg dibahagi kepada 2-4 dos.

*Pencegahan Haemophilus influenza:*  
*Adult:* Mana-mana ahli keluarga anda yang terdedah kepada penyakit H.

# RIFASYNT CAPSULES

Rifampicin (150mg, 300mg)

influenza B. apabila isi rumah anda mempunyai kanak-kanak berumur 4 tahun atau lebih muda, doktor mungkin mengesyorkan anda dos 20mg / kg sekali sehari (max 600mg sehari) selama 4 hari. Bayi (1 bulan): 10mg/kg untuk 4 hari.

**Kerosakan hati:** tidak boleh melebihi dos harian 8mg/kg.

### Warga Tua:

Doktor anda mungkin mengurangkan dos anda mengikut keadaan hati anda.

### -Bila perlu digunakan

Rifampicin sebaiknya diambil sekurang-kurangnya 30 minit sebelum makan atau 2 jam selepas makan.

### -Berapa lama perlu digunakan

Doktor anda akan memberitahu anda berapa lama anda perlu mengambil ubat ini. Adalah penting untuk tidak berhenti mengambil ubat ini sehingga doktor menasihati anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Jangan bimbang jikalau anda terlupa mengambil ubat, abaikan dos yang tertinggal dan mengambil dos seterusnya apabila tiba masanya. Jangan sekali-kali mengambil dos yang berganda.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil terlalu banyak dos daripada yang sepatutnya, hubungi doktor atau ahli farmasi anda dengan segera. Jika anda tidak boleh, pergi ke hospital terdekat. Sentiasa mengambil bungkusan ubat dengan anda supaya mereka tahu apa ubat yang telah diambil.

Gejala pengambilan dos berlebihan adalah rasa tidak sihat, muntah, sakit perut, sakit kepala dan semakin letih.

### **Semasa menggunakan RIFASYNT**

#### -Perkara yang perlu dilakukan

Ikuti semua arahan yang diberikan oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Jika anda tidak pasti arahan pada label, minta bantuan daripada doktor atau ahli farmasi anda.

#### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat melainkan diarahkan oleh doktor anda. Jangan sekali-kali memberikan RIFASYNT kepada orang lain walaupun mereka mungkin mempunyai gejala atau keadaan yang sama seperti anda.

#### -Perkara yang perlu diberi perhatian

##### Memandu dan mengendalikan mesin

Ia adalah tidak diketahui sama ada Rifampicin akan mempengaruhi konsentrasi anda. Jika anda merasa mengantuk, berhenti memandu atau mengendalikan jentera.

### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan yang lain, semasa rawatan dengan RIFASYNT anda mungkin mengalami beberapa kesan sampingan. Kesan sampingan RIFASYNT ialah:

- Pembekuan darah (*Disseminated intravascular coagulation*)
- Perut tidak selesa, rasa tidak sihat, muntah
- Kulit mengelupas (*exfoliate dermatitis*)
- Penganggu hormone badan (*adrenal insufficiency*)
- Demam, menggigil, sakit kepala, pening
- Sesak nafas dan berdeham
- Gangguan kitaran haid
- Kegagalan hati
- Kandungan platlet darah rendah (*thrombocytopenia*)

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, hubungi doktor anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [(Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

### **Cara penyimpanan dan pelupusan RIFASYNT**

#### -Penyimpanan

RIFASYNT harus disimpan di tempat yang kering, jauh dari cahaya dan pada

suhu di bawah 30°C dalam bungkusan asal. Jauhi daripada kanak-kanak.

#### -Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi apa yang perlu dilakukan dengan baki ubat yang tidak diperlukan lagi. Ini akan bantu melindungi alam sekitar.

RIFASYNT tidak harus digunakan selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada kotak dan blister.

### **Maklumat lanjut**

#### -Rupa dan warna produk

- Kapsul RIFASYNT 150mg adalah kapsul gelatin keras, dengan warna merah, saiz 2. Kapsul RIFASYNT 300mg adalah kapsul gelatin keras, dengan warna merah, saiz 1.

#### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
RIFASYNT mengandungi rifampicin sebagai bahan aktifnya. Dos yang ada ialah 150mg dan 300mg.
- Bahan tidak aktif  
Bahan-bahan tidak aktif untuk RIFASYNT 150mg dan 300mg ialah lactose monohydrate, croscarmellose sodium dan magnesium stearate. Kapsul pula mengandungi gelatin, erythrosine (E127), indigo carmine (E132) dan titanium dioxide (E171).

#### -Nombor MAL:

RIFASYNT	150MG
MAL19860789AZ	
RIFASYNT	300MG
MAL19860825AZ	

### **Pengilang**

Medochemie Ltd, 1-10  
Constantinoupoleos Street, 3011  
Limassol, Cyprus

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Komedic Sdn Bhd, 4 Jalan PJS 11/14,  
Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya

### **Tarikh kemaskini RiMUP:**

23/06/2020

### **Nombor Siri**

NPRA (R4/1)100420/00060